

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	16 JANUARY 2017

# Pendidikan perlu sokongan komuniti

**PEKAN 15 Jan.** - Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, kejayaan bidang pendidikan bergantung kepada sokongan seluruh segmen komuniti di negara ini yang bukan sahaja dalam konteks tempatan tetapi secara keseluruhannya.

Perdana Menteri berkata, jika ada suntikan, sumbangan dan sokongan daripada pelbagai pihak, maka bidang pendidikan negara boleh mencapai kejayaan memberangsangkan.

Katanya, bidang pendidikan begitu penting, malah untung nasib sesebuah tamadun juga bertunjangkan kepada penguasaan ilmu atau pengetahuan.

"Pengetahuan merupakan teras kejayaan diri, bangsa dan sesebuah tamadun. Menyingkap dan mengimbas kembali sejarah kemilangan mana-mana tamadun dalam sejarah manusia, sememangnya ilmu pengetahuan tidak boleh dipisahkan.

"Sekiranya sesebuah tamadun itu pengaruhnya bergantung kepada kuasa ketenteraan, ia tidak akan bertahan lama. Jika bergantung kepada penguasaan ilmu, pendidikan dan pengetahuan, maka tamadun itu boleh bertahan jauh lebih lama," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap dalam majlis penyampaian hadiah kecemerlangan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) dan Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3) serta bantuan 'Kembali Ke Sekolah' Parlimen Pekan di Dewan Konvensyen Sultan Ahmad Shah di sini hari ini.

Yang hadir sama Pengurus Besar Yayasan Pahang, Datuk Mahmud Mohd. Nawawi; Ketua Pegawai Eksekutif Institut Automotif Malaysia, Datuk Mohamad Madani Sahari; Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Pelajaran Mara (YPM), Datuk Abdul Karim Mustafa dan Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni Universiti Malaya (UM),



UM-18/1/2017

**Sekiranya sesebuah tamadun itu pengaruhnya bergantung kepada kuasa ketenteraan, ia tidak akan bertahan lama. Jika bergantung kepada penguasaan ilmu, pendidikan dan pengetahuan, maka tamadun itu boleh bertahan jauh lebih lama."**

**NAJIB TUN RAZAK**  
Perdana Menteri

Prof. Datuk Dr. Rohana Yusof.

Majlis itu merupakan anjuran bersama The Asia Foundation, UM, Biro Pendidikan UMNO Bahagian Pekan, Yayasan Pahang, Pejabat Pendidikan Daerah, Institut Automotif Malaysia dan YPM.

Mengulas lanjut, Najib berkata, semua pihak perlu menterjemahkan komitmen masing-masing dalam bidang pendidikan jika bercita-cita dan mempunyai impian teragung untuk kepentingan negara ini.

Beliau berkata, komitmen itu bukan hanya diluahkan menerusi ucapan tetapi dari segi bentuk pelaksanaannya.

"Semua orang sebut pendidikan mesti diutamakan tetapi sejauh mana kita dapat menterjemahkannya dalam bentuk komitmen, bukan sahaja di peringkat kerajaan tetapi diri kita sama ada sebagai seorang pelajar, guru, ibu bapa atau sebagai seorang yang mampu memberikan sumbangan.